

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 29 MAC 2023 (RABU)

SOALAN – PM 22(5)

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kerja-kerja menaik taraf landasan kereta api dua hala dan kerja-kerja jalan-jalan laluan di kawasan Bandar Labis sedang giat dijalankan. Adakah Kementerian sedia membina sebuah Terowong VBC melalui Jalan Tenang Bandar Labis menembusi bawah landasan ke pertengahan Jalan Station (jalan antara Pejabat Pos dan Balai Polis) untuk laluan keluar dan masuk kepada penduduk-penduduk tempatan dan pengguna kenderaan ringan seperti kereta, motosikal dan sebagainya, ke Jalan FT dan Jalan Muar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan mengambil maklum tentang cadangan dan permohonan untuk membina sebuah Terowong *Vehicular Box Culvert* (VBC) melalui Jalan Tenang Bandar Labis menembusi bawah landasan ke pertengahan Jalan Station (jalan antara Pejabat Pos dan Balai Polis) untuk laluan keluar dan masuk kepada penduduk-penduduk tempatan dan pengguna kenderaan ringan seperti kereta, motosikal dan sebagainya, ke Jalan FT dan Jalan Muar. Kebolehlaksanaan cadangan tersebut perlu diperhalusi dan dinilai dari pelbagai sudut termasuk isu teknikal dan isu kos pembinaan.
2. Untuk makluman, kerja-kerja pembinaan landasan di kawasan tersebut telah siap dijalankan serta kerja-kerja pembinaan Stesen Labis sedang giat dilaksanakan. Sekiranya pembinaan VBC tersebut dilaksanakan, ianya akan membawa impak yang besar kepada kemajuan projek dan melibatkan perkara-perkara sepertimana berikut:
 - a. Landasan keretapi yang telah siap dibina terpaksa dibongkar semula. Ini akan menyebabkan kelewatan terhadap projek yang sedang berjalan;
 - b. Pembinaan VBC juga mungkin mengganggu susun atur pembinaan Stesen Labis yang sedang giat dijalankan;
 - c. Kos tambahan yang ketara di mana pembinaan VBC tersebut melibatkan kerja-kerja pembongkaran landasan yang telah siap, perobohan dan pembinaan semula tembok penahan yang telah siap, kerja-kerja penanaman cerucuk, pembinaan terowong dan pembinaan semula landasan keretapi.
3. Untuk makluman Yang Di-Pertua, bagi mengatasi masalah kesesakan didalam Bandar Labis tersebut, satu jalan pintas kekal (jalan alternatif) untuk masuk dan keluar dari Pekan Labis sedang giat dibina oleh JKR Daerah Segamat di mana ianya akan menghubungkan Jalan JKR FT01 ke Jalan Pasar melalui bawah jambatan keretapi (BRV15) yang

berada pada jarak 400 meter dari cadangan VBC yang diusulkan ini.

4. Pihak Kementerian akan memantau perkara ini setelah kerja-kerja pembinaan ROB 08 dan lain-lain kerja berkaitan siap sepenuhnya. Cadangan pembinaan VBC tersebut akan dikaji secara teliti oleh pihak Kementerian bersama semua pemegang taruh sebelum keputusan muktamad dibuat pada masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

